

PPSMI: Tiada opsyen guna bahasa Inggeris, kata Muhyiddin
The Malaysian Insider
29 Oktober , 2011

KUALA LUMPUR, 29 Okt — Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan sekolah-sekolah kerajaan tidak akan dibenarkan menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar subjek Matematik dan Sains meskipun terus menerima tekanan daripada pertubuhan ibu bapa dan beberapa badan bukan kerajaan yang lain.

Timbalan perdana menteri memberitahu pemberita hari ini bahawa tindakan membenarkan sekolah memilih antara dasar Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) atau menggunakan pendekatan baru yang diluluskan oleh Kabinet dua tahun lalu hanya akan menyebabkan keadaan kucar-kacir.

“Ia akan menjadi pelan yang sukar. Jika satu sekolah pilih bahasa Inggeris atau Melayu, bagaimana kita boleh menyediakan guru?” Muhyiddin (gambar) yang juga Menteri Pelajaran selepas merasmikan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu VIII yang dianjurkan oleh Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini.

Awal minggu ini Gerakan Memansuhkan PPSMI (GMP) menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak membuat penegasan bahawa keputusan memansuhkan dasar pembelajaran dan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris tidak dikaji semula ketika terus wujud gesaan agar kerajaan membenarkan opsyen dwibahasa kepada pelajar.

Pertubuhan bukan kerajaan PAGE terus membawa rayuan agar kerajaan membenarkan penggunaan dua bahasa untuk mengajar Sains dan Matematik di sekolah.

Kerajaan masih menjalankan kajian dan mempertimbangkan perkara tersebut.

Dasar PPSMI diperkenalkan ketika pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad pada 2003 dan pada 8 Julai 2009 Muhyiddin mengumumkan ia akan dimansuhkan sepenuhnya mulai tahun depan.

Dr Mahathir juga masih berharap dasar itu akan diteruskan bagi membantu negara mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang dan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris.

Dipetik Bernama Online, Muhyiddin memberi jaminan bahawa kepentingan penguasaan bahasa Inggeris tidak akan diketepikan setelah PPSMI dimansuhkan.

“Kita sedar mungkin sebahagian daripada mereka itu menghendaki supaya kita tidak mengetepikan bahasa Inggeris... mereka punya kebimbangan kalau perubahan dasar ini bermakna bahasa Inggeris itu tidak diberikan perhatian.

“Sebab itu kita ubah dari PPSMI kepada MBMMBI kerana kedua-duanya ada... bahasa Melayu untuk kita martabatkan dan bahasa Inggeris untuk kita perkukuhkan,” katanya.

Muhyiddin juga percaya dasar MBMMBI yang dilaksanakan mulai tahun ini bagi murid Tahun

1 melalui pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu itu akan membuahkan hasil dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

"Saya telah perkenalkan beberapa inisiatif, contohnya kita sudah ubah kurikulum pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah secara yang lebih menarik, lebih berkesan dan kita sudah tambah waktu pembelajarannya daripada 240 minit kepada 300 minit seminggu.

"Kemudian kita bawa masuk guru-guru penutur jati yang sudahpun ditempatkan di seluruh negara sebagai 'Master Teacher'. Pendekatan ini dilihat amat berkesan kerana mereka memantau guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di seluruh negara.

"Kita juga melatih lebih ramai guru di Institut Perguruan Malaysia iaitu jumlahnya 10,000 guru yang nanti akan membimbing pembelajaran dalam bahasa Inggeris," katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ppsmi-tiada-opsyen-guna-bahasa-inggeris-kata-muhyiddin/>